

18/09/2003

Johor serius budayakan bacaan al-Quran

MAJLIS Perujian Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-46 selama lima hari di Johor Bahru, Johor, minggu lalu, mendapat sambutan bukan saja masyarakat Islam negeri itu, malah dari Singapura.

Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru, tempat berlangsungnya majlis itu, penuh dengan masyarakat Islam yang bukan saja mahu mendengar bacaan peserta, malah menghayati setiap ayat yang dibaca mereka.

Majlis yang bermula 9 September lalu itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ditutup oleh Sultan Johor yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang qari. Sultanah Johor pula menyampaikan hadiah kepada pemenang dan peserta qariah.

Johor yang menjadi tuan rumah perujian membaca al-Quran kali kedua, tidak asing lagi dengan budaya memartabatkan al-Quran. Majlis itu menyemarakkan lagi usaha dilakukan kerajaan Johor selama ini dalam usaha membudayakan al-Quran.

Ini jelas dilihat apabila masyarakat Islam Johor memenuhi tempat berlangsung majlis setiap malam.

Sultan Johor ketika berucap pada majlis penutup dan penyampaian hadiah, turut menjelaskan mengenai kesungguhan Kerajaan Johor membudayakan bacaan dan menjadikan al-Quran sebagai pedoman hidup.

"Suka saya memberitahu bahawa setiap Jumaat, kerajaan negeri menganjurkan bacaan al-Quran di semua jabatan kerajaan di seluruh negeri selama satu jam sebelum memulakan tugas masing-masing," katanya.

Malah, baginda berharap kerajaan negeri lain turut mencontohi program membudayakan al-Quran sebagaimana dilakukan Kerajaan Johor.

Kata Baginda, ia penting supaya umat Islam di negara ini dapat memahami, menghayati dan mentafsir isi kandungan al-Quran secara tepat.

Baginda juga meminta umat Islam supaya kembali kepada ajaran Islam sebenar dan menjadikan al-Quran sebagai panduan kerana ia relevan sepanjang masa.